

Solat diabadi pada malam Mikraj

► USTAZ DR FIRDAUS YAHYA

PERISTIWA yang belum pernah berlaku sebelumnya dan tidak akan berlaku lagi selepasnya.

Itulah peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah *saw* pada tahun ke-11 Hijrah.

Peristiwa yang menunjukkan keagungan Rasulullah *saw* dan ketinggian kedudukannya di sisi Allah *swt*.

Israk bermaksud perjalanan malam manakala Mikraj pula bermaksud pendakian.

Maka peristiwa ini merangkumi dua perjalanan.

Pertama, perjalanan Rasulullah *saw* dari Makkah ke Baitulmakdis.

Kedua, perjalanan baginda ke langit yang ketujuh dan seterusnya ke bawah Arash Allah *swt*.

Secara keseluruhannya, peristiwa ini mengambil masa yang amat singkat. Ada riwayat menyatakan hanya beberapa minit sahaja. Ada yang menyatakan beberapa jam sahaja.

Jika kita buka lipatan sejarah, sebenarnya perjalanan yang begitu jauh dalam masa yang sangat singkat pernah berlaku pada zaman Nabi Sulaiman as.

Ketika Nabi Sulaiman as melontarkan cabaran kepada semua rakyatnya daripada kalangan jin dan manusia, siapa yang mampu membawa istana Balqis dari Yaman ke Palestin, seorang manusia yang soleh menyahut cabarannya.

Dia mendakwa bahawa dia mampu membawa istana itu sebelum Nabi Sulaiman as dapat mengelip matanya.

Dan benar, tiba-tiba istana Balqis beraida di hadapan Nabi Sulaiman as.

Namun, peristiwa yang hebat ini tidak dapat menandingi perjalanan Israk Rasulullah *saw*.

Ini adalah kerana Nabi Sulaiman as

tidak lakukan perjalanan tersebut. Sebaliknya, istana itu yang dibawa kepadanya.

Sedangkan Rasulullah *saw* sendiri yang melakukan perjalanan Isra' itu dengan jasadnya dalam masa yang sangat singkat.

Begitu juga peristiwa Mikraj. 600 tahun sebelumnya, seorang nabi telah pun melakukan perjalanan tersebut. Nama nabi tersebut ialah Isa al-Masih as.

Tetapi perbezaannya ialah kenaikan Nabi Isa as ke langit adalah perjalanan sehalia.

Baginda tidak akan turun kembali ke dunia melainkan setelah Dajjal menguasai dunia. Dan Nabi Isa as tidak naik ke tingkatan Sidratul Muntaha dan seterusnya di bawah Arash Allah.

Sedangkan Rasulullah *saw* dijemput naik ke tujuh petala langit sampai ke Sidratul Muntaha dan akhirnya ke bawah Arash Allah. Dan baginda *saw* kemudian kembali ke dunia.

Ini bukti jelas bahawa peristiwa Israk dan Mikraj tiada tandingannya.

MENGAPA ALLAH SWT ANUGERAHKAN RASULULLAH SAW DENGAN PERISTIWA YANG TERAGUNGINI?

Sudah pasti sebabnya banyak.

Pertama sekali, ia untuk meneguhkan lagi semangat Rasulullah *saw* yang mengalami beberapa peristiwa yang menyedihkannya.

Beberapa bulan sebelumnya, Rasulullah *saw* kehilangan isterinya yang tercinta, Khadijah, dan pakkiknya yang disayangi, Abu Talib.

Kedua-dua tokoh ini merupakan orang yang paling kuat berikan semangat dan dorongan kepada Rasulullah *saw*.

Sokongan zahir dan batin yang diberikan Khadijah tidak berbelah bagi. Perlin-

dungan yang diberikan Abu Talib menghalang musuh Islam daripada mencederakan Rasulullah *saw*.

Setelah kematian Abu Talib, penentangan orang-orang musyrik semakin meningkat dan mereka semakin mengganas.

Dalam masa yang sama, Rasulullah *saw* tidak berjaya untuk mengislamkan penduduk kota Taif.

Dalam keadaan kecewa dan kesedihan inilah, Allah *swt* hadiahkan Rasulullah *saw* dengan perjalanan agung Israk dan Mikraj.

Ketiga, untuk memaklumkan kepada semua bahawa setiap lapisan langit dijaga begitu rapi oleh malaikat. Tiada siapa dapat melepasinya, walaupun malaikat Jibril sekali pun, melainkan dengan izin Allah *swt*.

Dan langit yang kedua sehingga langit yang ketujuh berada di alam rohani, bukan di alam semesta fizikal kita.

Ini penting kerana ada yang menganggap bahawa tujuh lapisan langit ialah lapisan udara bumi atau tujuh planet di sistem suria kita. Anggapan ini semua

robohlah agama seseorang.

Semua ibadat lain diperintahkan oleh Allah melalui wahyu kepada Rasulullah *saw*.

Tetapi ibadat solat diwajibkan oleh Allah dengan perbicaraan langsung kepada Rasulullah *saw* tanpa kehadiran satupun makhluk bersamanya.

Begitulah agungnya ibadat solat. Berambah agung lagi ibadat ini ialah ganjaran bagi setiap solat menyamai sepuluh solat.

Maka orang yang mengerjakan lima so-



Foto hiasan fail

Kedua, untuk menunjukkan kepada semua, terutama kepada Rasulullah *saw*, bahawa baginda merupakan penghulu bagi segala nabi dan rasul.

Apabila Rasulullah *saw* tiba di Masjidil Aqsa, kesemuanya para nabi dan rasul berkumpul di situ menunggu ketibaan baginda *saw*.

Rasulullah *saw* kemudian dijemput untuk mengimamkan solat bagi ratusan ribu para nabi dan rasul itu.

tidak menepati hadis Rasulullah *saw* berkenaan perjalanan Mikrajnya.

Keempat, kemuncak perjalanan agung ini adalah untuk mendapat anugerah tertinggi bagi orang Islam.

ANUGERAH IBADAT SOLAT

Solat merupakan ibadah teragung bagi orang Islam. Semua ibadat lain jadi sia-sia jika tidak dilakukan ibadat solat. Solat ialah tiang agama. Roboh tiang ini,

lat fardu mendapat pahala seperti dia kerjakan solat fardu sebanyak 50 kali.

Sempena peringatan peristiwa Israk dan Mikraj yang jatuh pada 27 Rejab, marilah kita hargai hadiah yang amat berharga ini daripada Allah. Jagalah solat kita. Nescaya Allah akan jaga kita dunia dan akhirat.